



Buletin Kelab

Keluaran 20/06
Oktober 2006 /Syawal 1427H

SELAMAT HARI RAYA AIDIL FITRI



BERITA SEMASA KELAB

Assalamualaikum.....

Mata kadang tersalah padang,
Telinga kadang tersalah dengar,
Mulut kadang tersalah ucap,
Hati kadang tersalah duga,
Kaki terkadang tersalah langkah,

Tangan terkadang tersalah cuit,
Minda terkadang tersalah andai,
Tangan ku hulur Di hari Mulia,
Maafkan segala silap yang pasti ada...

Selamat meneruskan ibadah puasa enam dan
Selamat Menyambut Hari Raya Aidil Fitri
MAAF ZAHIR & BATIN



Program Ihya Ramadhan telah diadakan disepanjang bulan Ramadhan 1427 / Oktober 2006 yang lalu anjuran bersama Kelab Kebajikan Kakitangan Pentadbiran dan Jabatan Pembangunan Sumber Pusat Matrikulasi UIAM. Diantara acara yang diadakan termasuklah Ceramah Mingguan dengan menjemput penceramah jemputan dari luar, acara sembahyang berjamaah solat zuhor dan tazkirah bersama-sama dengan ustaz yang dijemput. Program tersebut diadakan di Mahallah Abu Bakar.



Sumbangan Derma Ramadhan 2006

Kelab Kebajikan telah memberi sumbangan derma berupa beras kepada mereka yang layak bagi meringankan beban dalam menyambut hari raya pada tahun ini. Sumbangan tersebut diperolehi dari sumbangan derma semasa program ceramah Ihya Ramadhan. Seramai 20 orang terdiri dari ahli kelab, kakitangan Pusat Matrikulasi UIAM dan pekerja-pekerja Insan Jaya yang layak menerima sumbangan tersebut. Sumbangan tersebut telah disampaikan oleh Dekan Pusat Matrikulasi UIAM, Dr Mohd Fadhil Bin Hassan



Program Bubur Lambuk Ukhuwah

telah diadakan pada 18 Oktober 2006 bertempat di Parking Kereta. Program ini diadakan buat kali ke dua bagi tujuan mengeratkan talian silaturahim diantara ahli-ahli kelab dan satu program kebajikan bagi memberi makan orang-orang yang berpuasa. Program tersebut mendapat sambutan dari ahli-ahli dan mendapat kerjasama dari Dekan Pusat Matrikulasi UIAM, Dr Mohd Fadhil Bin Hassan. Beliau telah sama-sama memasak bubur lambuk ala Kampung Baru. Pak Hamzah telah dijemput khas dari kampung Baru.



Ceramah Ramadhan dan Solat Zuhor , Tazkirah dan Tadarus Al-Quran

Sebanyak 3 ceramah telah dapat diadakan dengan menjemput penceramah yang handal-handal dan berjalan dengan jayanya dan mendapat sambutan dari semua kakitangan. Solat Zuhor dan tazkirah telah diadakan di Mahallah Abu Bakar. Mendapat sambutan yang menggalakkan dan berjalan sepanjang bulan Ramadhan. Tadarus Al-Quran telah diadakan oleh kakitangan wanita dan diadakan juga kakitangan lelaki.

Perjumpaan Dengan Dekan Dr. Mohd Fadhil Hassan

Pada 11 Oktober 2006 AJK Kelab Kebajikan telah berjumpa dengan Dekan Pusat Matrikulasi UIAM bagi memberi penerangan penjelasan dengan kewujudan kelab. Perjumpaan tersebut berjalan dengan suasana harmoni dan amat mesra dan bertukar-tukar pendapat bersama beliau. Beliau berjanji akan memberi kerjasama dalam menjayakan aktiviti yang akan dijalankan.

Kandungan Buletin

13 Rahsia Solat	2
Petua	2
Mandi Wajib, Wajah	3
Melintas Depan Orang sedang Solat	4
Kesibukan Seharian	5
Murtad Dan Risikonya	7
Renungan Buat Wanita	8



13 Rahsia Solat

Inilah dia rahsia as-solat, sebagai peringatan bagi yang dah tahu atau panduan bagi yang baru tahu.....

- 1 - Niat Sembahyang :
Sebenarnya memeliharkan taubat kita dari dunia dan akhirat.
- 2 - Berdiri Betul :
Fadilatnya, ketika mati dapat meluaskan tempat kita di dalam kubur.
- 3 - Takbir-ratul Ihram :
Fadilatnya, sebagai pelita yang menerangi kita di dalam kubur.
- 4 - Fatiyah :
Sebagai pakaian yang indah-indah di dalam kubur
- 5 - Ruqu' :
Sebagai tikar kita di dalam kubur.
- 6 - I'tidal :
Akan memberi minuman air dari telaga alkautsar ketika didalam kubur.
- 7 - Sujud :
Memagar kita ketika menyeberangi titian SIRATUL-MUSTAQIM.
- 8 - Duduk antara 2 Sujud :
Akan menaung panji-panji nabi kita di dalam kubur

9 - Duduk antara 2 Sujud (akhir) :
Menjadi kenderaan ketika kita dipadang Mahsyar.

10 - Tahhiyat Akhir :
Sebagai penjawab bagi soalan yang dikemukakan oleh Munkar & Nankir di dalam kubur.

11 - Selawat Nabi :
Sebagai pendinding api neraka di dalam kubur.

12 - Salam :
Memelihara kita di dalam kubur.

13 - Tertib :
Akan pertemuan kita dengan Allah S.W.T.

Dari Abdullah bin 'Amr R. A., Rasulullah S. A. W. bersabda :
"Senarai di atas adalah salah satu sebab mengapa orang Yahudi / Kafir tidak sukaikan angka 13 dan juga Hari Jumaat"

"Sampaikanlah pesanku biarpun satu ayat..." Sebaik-baik manusia itu adalah mereka yang memberi manafa'at kepada manusia lain...

PETUA

KURUSKAN BADAN DENGAN BUAH PINANG

Buah pinang dihiris tipis dan jemur hingga kering. Tumbuk lumat menjadi serbuk. Rendamkan semalaman setengah sudu teh ke dalam air panas dan minum keesokan harinya dan petang bersama hampasnya. Selama dua minggu badan akan menjadi kurus dan langsing.

KURANGKAN KADAR KOLESTEROL

Perah sedikit lemon dan campurkan dengan secamca teh minyak zaitun. Amalkan meminumnya dua atau tiga hari sekali atau setiap kali mengambil makanan bercolesterol tinggi. Kesannya akan dapat dirasai dalam masa seminggu. Ia juga dapat menghilangkan pembentukan selulit.

BADAN RINGAN DAN BERTENAGA

Minum air rebusan serai dan halia (yang dititik), kulit kayu manis dan lada hitam. Jika diamalkan meminum air rebusan ini pagi dan badan akan menjadi ringan dan bertenaga

PETUA MENGEEMPISKAN PERUT

Ambil air limau nipis dan campur dengan kapur sirih. Sebatikkan lalu disapu pada perut kemudian ikat perut seperti perempuan yang baru bersalin (bengkung). Jika tidak mahu bengkung, lumutkan atau sapu pada perut sahaja, amalkan setiap malam.

Mandi Wajib, Wajah & Hati Yang Cantik

Assalamualaikum,

Berkongsi sedikit ilmu... dari JAKIM. Mandi wajib yang betul. Mandi wajib merupakan perkataan yang mudah disebut, tetapi jangan terkejut jika dikatakan banyak umat Islam di tanah air kita yang tidak sah mandi wajibnya kerana tidak melakukannya dengan betul. Untuk melakukannya mandi wajib yang betul, seseorang itu tidak boleh melakukannya dengan hanya mandi secara berdiri atau duduk mencangkung sahaja. Sebaliknya, ia mesti dilakukan dalam kedua-dua keadaan bagi membolehkan seseorang itu meratakan air keseluruh anggota badannya yang zahir. Penolong Pengarah Bahagian Dakwah, Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM), Ustaz Hj Mat Jais Kamos, 49, menegaskan, bagaimanapun, berdasarkan pengalamannya sebagai bekas kadi di Pejabat Agama Islam Gombak Timur dan penceramah, didapati banyak umat Islam yang tidak mengetahui perkara ini. "Akibatnya, mandi wajibnya menjadi tidak sah kerana tidak memenuhi salah satu rukun mandi wajib iaitu meratakan air keseluruhan anggota badan yang zahir. Apabila mandi wajib tidak sah, ibadat yang dilakukan oleh seseorang itu juga turut tidak sah. Itulah akibatnya jika tidak melakukan mandi wajib dengan betul," tegas beliau ketika ditemui di rumahnya di Taman Sri Keramat Kuala Lumpur. Mandi wajib yang juga sebagai mandi junub atau janabah tidak boleh dipandang ringan oleh umat Islam. Setiap orang yang melakukannya mestilah mengetahui dan memenuhi rukunnya. Jika tidak mandi wajib seseorang itu tidak akan sah. Rukun mandi wajib ada 3. **Pertama**, niat. **Kedua**, menghilangkan najis di badan. **Ketiga**, meratakan air keseluruh anggota badan yang zahir.

"Niat mandi wajib: "Sahaja aku mengangkat hasar besar kerana Allah Taala." Atau "Shj aku mandi wajib kerana Allah Taala." Niat itu di dalam hati dan ia hendaklah disertakan ketika air sampai ke mana2 bahagian anggota badan. "Bagi perempuan yang habis haid, niat mandi wajib ialah: " Sahaja aku mengangkat hadas haid kerana Allah Taala." Manakala bagi perempuan yang habis nifas, niat mandi wajibnya ialah: " Sahaja aku mengangkat hadas nifas kerana Allah Taala". Niat itu jika dilambatkan atau ketika seseorang itu memulakannya selepas dia telqh membasuh salah 1 anggota badannya akan menjadikan mandi wajibnya tidak sah. Oleh itu dia mestilah memulakan kembali niatnya ketika dia mula menyampaikan air keseluruhan anggota badannya. Sekiranya dia berniat sebelum air sampai ke badan, niat itu juga tidak sah. Oleh itu mandi wajibnya tidak sah." Jelasnya lagi.. Mengenai rukun mandi wajib yang ke2, iaitu menghilangkan najis yang ada pada badan, menurut ustaz Hj Mat Jais, menurut imam Nawawi, jika kita ada najis dibadan, najis itu belum dibasuh serentak dengan mandi wajib. Ertinya membasuh najis dengan mandi itu boleh diseikalikan. "Sementara rukun mandi wajib yang ke3, iaitu meratakan air keseluruh anggota badan yang zahir, meliputi kulit, rambut dan bulu yang ada di badan, sama ada bulu2 yang jarang atau lebat. "jika rambut seseorang itu ditocang atau disanggul, sekiranya tak sampai air ke dalamnya, tocang atau sanggul itu wajiblah dibuka. Bulu2 dalam lubang hidung pula, tidak wajib dibasuh kerana dianggap batin. Tetapi sekiranya, bulu2 di dalam hidung itu bernajis, ia wajiblah dibasuh. "Mengenai kuku pula, jika di dalam kuku ada kotoran yang boleh menghalang sampai air ke badan khususnya di bahagian bawah kuku, kotoran itu wajiblah dibuang. Membuang kotoran di dalam kuku itu pula boleh dilakukan ketika sedang mandi. "Tentang rambut yang diwarnakan pula selain inai, inilah yang rumitnya. Sebenarnya jika rambut seseorang itu diwarnakan dengan pewarna selain inai, mandi wajib seseorang itu tidak sah. "Oleh itu, seseorang yang mewarnakan rambutnya dengan pewarna selain inai, jika dia hendak mandi wajib, dia mestilah membuang pewarna pada rambutnya terlebih dahulu. Tapi untuk membuang pewarna itu pula bagaimana?.. inilah yang rumitnya. Sedangkan pewarna pada rambut itu sebenarnya tidak boleh dibuang begitu mudah. "Yang menyebabkan mandi wajib orang yang menggunakan pewarna pada rambutnya tidak sah kerana pewarna itu akan menyalut rambutnya yang menghalang air sampai ke rambut. Ini berbeza dengan inai. Inai sebenarnya akan meresap ke rambut, tetapi pewarna pula akan menyalut rambut menyebabkan air terhalang ke rambut."

"tapi dalam hal ini, jangan pula ada yang salah faham. Sebenarnya pewarna itu jika dikeluarkan sijil halal oleh JAKIM sekiranya pewarna itu tidak bernajis, bukanlah bermaksud menjadi tidak sah?.. Dalam hal ini, sukalah saya menyatakan bahawa sembahyang dan mandi wajib itu berbeza. Jadi, mestilah dipandang dari sudut yang berbeza. "Dalam hal ini juga, sukalah saya menyatakan, hurai mengenai rukun mandi wajib seperti yang telah saya nyatakan ini adalah merupakan perbezaan sah atau tidak mandi wajib. Jadi, ia perlulah diberikan perhatian yang serius oleh umat Islam.

Bersambung ke muka 4



Sekiranya ada sesiapa yang ingin memberi pendapat artikel bagi kelab sila e-mailkan kepada kami di amin@iiu.edu.my

Sambungan dari muka 3

Mengenai sebab-sebab seseorang itu wajib mandi wajib pula, ustaz Hj Mat Jais menerangkan, sebabnya terdiri daripada 6 sebab, 3 sebab melibatkan lelaki dan perempuan iaitu kerana bersetubuh walaupun tidak keluar air mani, keluar air mani dan mati. Manakala 3 sebab lagi hanya melibatkan kaum perempuan sahaja, iaitu keluar darah haid, nifas dan melahirkan anak(wiladah). "Mandi wajib boleh dilakukan dimana2 dengan menggunakan air mutlak sama ada air telaga, air paip, sungai, laut dan tasik. "Bagi pasangan suami isteri yang bersetubuh pula, mereka tidak semestinya mandi selepas bersetubuh, tetapi diwajibkan mandi ketika ingin beribadat. Selepas bersetubuh pula, jika ia dilakukan pada waktu malam, jika tidak mahu mandi wajib, seelok2nya ambillah wuduk sebelum tidur itu adalah sunat, manakala tidak berwuduk sebelum tidur adalah makhruh."

Agar wajah selalu segar, berseri-seri dan cantik, cucilah minimal 5 kali sehari dengan air wudhu. Jangan langsung dikeringkan, biarkan menitis dan kering sendiri. Lalu ambillah sejadah, shalat, berdzikir, dan berdo'a. Untuk menghilangkan stress, perbanyaklah 'olahraga'. Cukup dengan memperbanyakkan solat. Ketika solat, kita mengerakkan seluruh tubuh. Lalu berkonsultasihlah pada Allah SWT dengan dzikir dan do'a. Untuk pelembab, agar awet muda, gunakanlah senyuman. Tidak hanya di bibir tapi juga di hati. Jangan lupa bisikkan 'kata kunci', "Allahuma Kamma Hassanta Khalqii Fahassin Khuluqii" (Ya Allah sebagaimana engkau telah memperindah kejadianku, maka perindah pula ahlaqku). (HR Ahmad).- DOA TENGOK CERMIN

Untuk punya bibir cantik , bisikkan kalimat-kalimat Allah, tidak berbohong atau menyakiti hati orang lain, tidak menyombongkan diri atau takabur. Agar tubuh langsing , mulus, diet yang teratur dengan berpuasa seminggu 2 kali, Isnin dan Khamis. Jika kuat, lebih bagus lagi puasa Nabi Daud AS i.e. selang satu hari. Makanlah makanan halal, perbanyak sayuran, buah-buahan, dan air putih. Untuk mengembangkan diri, sebarkan salam dan sapaan. Dengan demikian kita akan banyak dikenal dan disayangi.

LARANGAN MELINTAS DI HADAPAN ORANG YANG SEDANG SEMBAHYANG

Baginda Rasulullah S.A.W. bersabda

"Apabila salah seorang dari kamu menghadap sesuatu yang dapat menutupinya dari orang, kemudian ada orang yang LALU di hadapannya, maka hendaklah ia MENOLAKNYA dari tubuh sebelah atas badannya. Jika orang yang lalu itu MEMBANGKANG, maka PERANGILAH ia kerana sesungguhnya ia adalah SYAITAN"

dan menurut hadis yang lain

"Maka janganlah MEMBIARKAN seseorang lalu di hadapannya. Jika orang yang lalu itu MEMBANGKANG , maka hendaklah ia MEMERANGINYA, kerana sesungguhnya BERSAMA orang yang lalu itu adalah SYAITAN....."

hadis riwayat Bukhari & Muslim.... penjelasannya ?..

DISUNATKAN kepada setiap orang yang hendak sembahyang untuk membuat batas tempat sembahyangnya dengan menghadap pada tembok atau kayu yang panjangnya sekitar tiga suku hasta. Selain itu boleh juga meletakkan sesuatu atau membentang sejadah malah boleh juga dengan membuat batas atau garis pembatas sebagai tempat sembahyang. Maksudnya supaya ketika sembahyang tidak ada orang yang lalu dihadapannya kerana lalu di hadapan orang yang sedang sembahyang hukumnya HARAM. Orang itu harus DITOLAK . dan ?.. Bagi orang yang mengetahui atau orang yang sedang sembahyang itu sendiri, disunatkan MENOLAKNYA dengan gerakan yang tidak sampai MEMBATALKAN sembahyangnya?. dan ?.. Dalam sembahyang BERJEMAAH, setiap BARISAN adalah pembatas bagi yang ada di belakang ??

Sedikit Renungan dicelah kesibukan kita setiap hari

Dalam suatu pertemuan iblis, syaitan dan jin, dikatakan: "Kita tidak dapat melarang kaum muslim ke Masjid", "Kita tidak dapat melarang mereka membaca Al-Qur'an dan mencari kebenaran", "Bahkan kita tidak dapat melarang mereka mendekatkan diri dengan Tuhan mereka Allah dan Pembawa risalahNya Muhammad", "Pada saat mereka melakukan hubungan dengan Allah, maka kekuatan kita akan lumpuh."

"Oleh sebab itu, biarkanlah mereka pergi ke Masjid; biarkan mereka tetap melakukan kesukaan mereka, TETAPI CURI WAKTU MEREKA, sehingga Mereka tidak lagi punya waktu untuk lebih mendekatkan diri kepada Allah". pada masa sama, sibukkan diri mereka dengan hal-hal kedunian sehingga melewati-lewatkan solat diakhir waktu."Inilah yang akan kita lakukan," kata iblis. "Alihkan perhatian mereka dari usaha meningkatkan kedekatannya kepada Allah dan awasi terus kegiatannya sepanjang hari!".

"Bagaimana kami melakukannya?" tanya para hadirin iaitu iblis, syaitan, dan jin. Sibukkan mereka dengan hal-hal yang tidak penting dalam kehidupan mereka, dan ciptakan tipudaya untuk menyibukkan fikiran mereka," Jawab sang iblis "Rayu mereka agar suka BELANJA, BELANJA DAN BELANJA melebihi pendapatan, SERTA BERHUTANG, BERHUTANG DAN BERHUTANG".(ceti, belian barang secara ansuran, along atau credit card) lalaikanlah mereka. "Pujuk para isteri untuk bekerja di luar rumah sepanjang hari dan para suami bekerja 6 sampai 7 hari dalam seminggu, overtime sepanjang hari, 10 - 12 jam seminggu, ,sehingga mereka merasa bahawa hidup ini sangat kosong."

"Jangan biarkan mereka mendidik dan menghabiskan waktu bersama anak-anak mereka."apa yang perlu mereka difikirkan ialah Wang! Wang! Dan kemewahan sepanjang waktu. "Jika keluarga mereka mulai tidak harmoni, maka mereka akan merasa bahwa rumah bukanlah tempat mereka melepaskan lelah bila pulang dari bekerja". "Dorong terus cara berfikir seperti itu sehingga mereka tidak merasa adanya ketenangan di rumah." "Hasut mereka untuk membunyikan radio atau kaset selama mereka berkenderaan". "Dorong mereka untuk menonton TV, VCD, CD dan PC di rumah. Sepanjang hari. Bunyikan muzik terus menerus di semua restoran maupun pusat membeli-belah di dunia ini." "Hal ini akan mempengaruhi fikiran mereka dan merosak hubungan mereka dengan Allah dan RasulNya" "Penuhi meja-meja rumah mereka dengan majalah-majalah dan tabloid".

"Sajikan mereka dengan berbagai berita dan gosip selama 24 jam sehari". "Serang mereka dengan berbagai iklan-iklan di jalanan". "Banjiri kotak surat mereka dengan informasi tak berguna, katalog-katalog, undian-undian, tawaran-tawaran dari berbagai macam iklan. "Muatkan gambaran wanita yang cantik itu adalah yang berbadan langsing dan berkulit mulus di majalah dan TV, untuk menggoda para suami hingga mereka terfikir bahwa PENAMPILAN itu menjadi unsur terpenting, sehingga membuat para suami tidak tertarik lagi pada isteri-isteri mereka"

"Buatlah para isteri menjadi sangat letih pada malam hari, tiada masa melayan suami dan keranah anak-anak, buatlah mereka sering sakit kepala". "Jika para isteri tidak memberikan cinta yang diinginkan sang suami, maka akan mulai mencari hiburan di luar".

"Hal inilah yang akan mempercepatkan retaknya sesebuah keluarga" "Terbitkan buku-buku cerita untuk mengalihkan kesempatan mereka untuk mengajarkan anak-anak mereka akan makna dan kepentingan bersolat." "Sibukkan mereka sehingga tidak lagi punya waktu untuk mengkaji bagaimana Allah menciptakan alam semesta. Arahkan mereka ke tempat-tempat hiburan, fitness, konsert2, panggung2 wayang dan pusat2 yang melekakan" "Buatlah mereka menjadi SIBUK, SIBUK DAN SIBUK.."

"Perhatikan, jika mereka jumpa dengan orang soleh, bisikkan gosip-gosip dan percakapan tidak berfaedah, sehingga percakapan mereka tidak mendatangkan apa-apa pahala sebaliknya berbuat dosa semata-mata. "Isi kehidupan mereka dengan keindahan-keindahan semua yang akan membuat mereka tidak punya waktu untuk mengkaji kebesaran Allah."

"Dan Dengan segera mereka akan merasa bahwa rezeki, kebaikan/kesihatan keluarga adalah merupakan hasil usahanya yang kuat (bukan atas izin Allah)." PASTI BERHASIL, PASTI BERHASIL." "RENCANA YANG BAGUS." Iblis, syaitan dan jin kemudian pergi dengan penuh semangat melakukan tugas MEMBUAT MUSLIMS MENJADI LEBIH SIBUK, LEBIH KELAM KABUT, DAN SENTIASA HURA-HURA". "Dan hanya ada sedikit waktu saja untuk beribadat kepada Allah maha Pencipta." "Tidak lagi punya waktu untuk bersilaturahmi dan saling mengingatkan akan Allah dan RasulNya". Sekarang pertanyaan saya adalah, "APAKAH RENCANA IBLIS INI AKAN BERHASIL????"

PETUA KURUS

Ada sedikit ilmu yg ingin saya kongsi bersama dengan kawan2 semua.

Rupa2nya tanpa kita sadar, dalam makanan yang kita makan sehari2, kita tak boleh main balun aje? sebab itulah terjadinya penyakit kencing manis, lumpuh, sakit jantung, keracunan makanan dan lain2 penyakit apabila kita telah tua nanti. Apabila kawan2 telah mengetahui ilmu ini, tolonglah ajarkan kepada yang lain2nya. Ini pun adalah diet Rasullullah SAW kita juga. Ustaz Abdullah Mahmood kata, Rasullullah tak pernah sakit perut sepanjang hayatnya kerana pandai jaga pemakanannya sehari2. apa kata kita ikut diet ini kawan2. tak payahlah susah2 makan pil untuk kurus? Insyaallah kalau kawan2 ikut diet Rasullullah ini?. Garenti? kawan2 takkan sakit perut ataupun keracunan makanan.

Jangan makan SUSU + DAGING

Jangan makan DAGING + IKAN

Jangan makan IKAN + SUSU

Jangan makan AYAM + SUSU

Jangan makan IKAN + TELUR

Jangan makan IKAN + DAUN SALAD

Jangan makan SUSU + CUKA

Jangan makan BUAH + SUSU CTH :- KOKTEL

JANGAN MAKAN BUAH SELEPAS MAKAN NASI , SEBALIKNYA MAKAN BUAH TERLEBIH DAHULU, BARU MAKAN NASI. TIDUR 1 JAM SELEPAS MAKAN TENGAHARI.

JANGAN SESEKALI TINGGAL MAKAN MALAM . SESIAPA YG TINGGAL MAKAN MALAM DIA AKAN DI- MAKAN USIA DAN KOLESTEROL DALAM BADAN AKAN BERGANDA.

Nampak memanglah pelik.. tapi, kalau tak percaya... kawan2 cuba laa..... Ianya takdelah dalam jangka masa terdekat nie.... Ianya berkesan bila kita sudah tua nanti.

Dalam kitab juga ada melarang kita makan makanan darat bercampur dengan makanan laut. Nabi pernah menegah kita makan ikan bersama susu. Di khuatiri akan cepat mendapat penyakit. Ini terbukti oleh saintis yang menjumpai dimana dalam badan ayam mengandungi ion+ manakala dalam ikan mengandungi ion, jika dalam suapan ayam bercampur dengan ikan maka terjadi tidakkan balas biokimia yang berhasil yang boleh merosakkan usus kita. Al-Quran Juga ada mengajar kita menjaga kesihatan seperti membuat amalan :-

Mandi Pagi sebelum subuh @ sekurang kurangnya sejam sebelum matahari naik. Air sejuk yang meresap kedalam badan boleh mengurangkan lemak mengumpul. Kita boleh saksikan orang mengamal mandi pagi kebanyakannya badan tak gemuk. Rasulullah mengamalkan minum segelas air sejuk (bukan air ais) setiap pagi. Mujarabnya Insayallah jauh dari penyakit (susah nak kena sakit). Waktu sembahyang subuh disunatkan kita bertafakur (iaitu sujud sekurang kurangnya seminit selepas membaca doa). Ia boleh mengelak dari sakit pening atau migrin. Ini terbukti oleh para saintis yang membuat kajian kenapa dalam sehari perlu kita sujud.

Ahli-ahli sains telah menemui beberapa millimeter ruang udara dalam saluran darah di kepala yang tidak dipenuhi darah. Dengan bersujud maka darah akan mengalir keruangan berkenaan. Nabi juga mengajar kita makan dengan tangan dan bila habis hendaklah menjilat jari. Begitu juga ahli saintis telah menjumpa bahawa enzyme banyak terkandung di celah jari-jari, iaitu 10 kali ganda ter-



MURTAD DAN RISIKONYA

RISIKO RIDDAH MENGIKUT HUKUM FIQH

Persoalan riddah telah disentuh oleh para ulama, bahkan ia telah mengambil salah satu tempat yang terpenting di dalam senarai kes-kes hukum jenayah yang mereka bicarakan. Persoalan ini mereka letakkan di dalam bab atau bahagian khas yang sebahagiannya mereka namakan dengan Kitab Al-Riddah, Bab Al-Riddah, Ahkam Al-Riddah (hukum-hakam orang murtad). Dengan merujuk kepada analisis hukum yang dikeluarkan oleh ulama tentang orang-orang murtad berdasarkan nash-nash syarak, hukum pertama yang mereka sepakati ialah tentang wajib membunuh orang-orang yang benar-benar didapati murtad. Ilmuan fiqh abad ini, Dr. Wahbah Al-Zuhaihi berkata : "Para ulama telah sepakat tentang wajib hukum bunuh ke atas orang murtad." Katanya lagi : "Dan telah ijmak para ahli ilmu tentang wajib hukum bunuh ke atas lelaki yang murtad dan hukum bunuh ke atas wanita yang murtad dan hukum bunuh ke atas wanita yang murtad mengikut pendapat jumhur ulama." (Al-Fiqh Al-Islami wa Adillatuh : 6:186)

Mengikut analisis para ulama lagi, tindakan murtad merupakan salah satu jenis kekufturan yang amat keji dan sangat keterlaluan dan ianya menyebabkan terhapus dan hilangnya segala balasan pahala kebajikan yang pernah dilakukan sebelum murtad sekiranya mati di dalam ke-murtadan (wal 'iyazu billah). (Al-Sayyid Al-Bakri, I'anah Al-Thalibin : 4:132-134) Perlaksanaan hukum bunuh di atas hanya akan berlaku apabila orang murtad berkenaan enggan bertaubat dan enggan kembali kepada Islam setelah dinasihati dan diarahkan bertaubat. Hukum memberi nasihat dan menyuruh bertaubat ini adalah wajib ke atas pemerintah. Taubat di sini mestilah dilaksanakan dengan mengucap dua kalimah syahadat. (I'anah Al-Thalibin : 4:132-134)

Selain daripada hukum di atas, banyak lagi hukum yang timbul kesan daripada tindakan keluar daripada Islam, antara lain ialah : Hilang hak penjagaan anak, baki hartanya diserahkan ke baitulmal, tidak sah menjadi wali nikah, hilang taraf kehormatan diri, putus perkahwinan setelah habis idah, tidak dibenarkan berkahwin sama ada dengan orang Islam atau kafir, tidak berhak harta waris dan lain-lain lagi.

DASAR HUKUM WAJIB MEMBUNUH ORANG MURTAD

Di antara dasar hukum wajib pihak berkuasa membunuh orang murtad ialah hadis-hadis berikut yang maksudnya : "Sesiapa yang menukar keislamannya hendaklah kamu bunuh dia." (Hadis para Perawi kecuali Muslim).

Maksudnya: "Tidak halal darah seseorang muslim kecuali dengan salah satu daripada tiga perkara : Tayyib (duda/janda) yang berzina, qishash nyawa dengan nyawa dan orang yang menukar agamanya yang terpisah daripada jemaah (kaum muslimin)." (Hadis riwayat Bukhari dan Muslim daripada Ibnu Mas'ud). Maksudnya: "Mana-mana lelaki yang murtad daripada Islam, hendaklah kamu menyerunya supaya kembali kepada Islam jika dia mahu. Jika tidak, pancunglah tengkuknya. Dan mana-mana perempuan yang murtad, hendaklah kamu menyerunya supaya kembali kepada Islam jika dia mahu. Jika tidak, pancunglah tengkuknya." (Hadis riwayat Thabarani daripada Mu'az bin Jabal). Itulah di antara dalil-dalil yang menunjukkan betapa berat dan besarnya risiko murtad (keluar daripada agama Islam).

Berdasarkan hasil analisis para ulama yang muktabar dan berkaliber daripada hadis-hadis ini dan dalil-dalil lain, adalah wajib dihukum bunuh orang murtad sebagai risiko terhadap ke-murtadannya. Orang yang tidak mengakui kedudukan dan fungsi dalil-dalil tersebut sebagai dalil wajib bunuh ke atas orang murtad setelah cukup persyaratan hukumnya, serta menafikan hukum berkenaan, mereka adalah golongan yang terpesong, tersilap dan terkeluar daripada konsep ahli sunnah bahkan terkeluar daripada Islam (kafir).

Termasuk golongan murtad itu, mereka yang antihadis yang hanya mengutamakan atau hanya berpegang kepada Al-Quran. Golongan ini menyampaikan diayah jahat mereka menerusi pelbagai media massa sama ada media cetak atau elektronik. Mereka cuba mempengaruhi orang-orang yang cetek pengetahuannya mengenai Islam dengan memaparkan berbagai teori yang mengelirukan tanpa bersumberkan kepada asas-asas hukum yang muktabar. Mereka mengutamakan andaian akal mereka daripada nas-nas syarak. Mereka ini adalah golongan yang sesat dan menyesatkan. Termasuk juga yang terkeluar daripada agama Islam itumereka yang menghina dan menolak hadis yang telah disepakati dan diijmahkan oleh ahli hadis tentang kesahihannya. Ini kerana mengikut para ulama yang muktabar, di antara sebab yang boleh membawa seseorang terkeluar daripada Islam (murtad atau menjadi kafir) termasuklah menghina atau menolak hukum yang telah diijmahkan umat Islam.

Adat Bersendikan Hukum , Hukum Bersendikan Kitab Allah Syarak Mengata , Adat Menurut



RENUNGAN

Sebagai peringatan untuk para wanita dipaparkan suatu peristiwa di suatu Eid, di mana seorang wakil telah dilantik dari kaum wanita untuk bertemu dengan Rasulullah SAW untuk meminta baginda SAW memberi ucapan khusus untuk kaum wanita. Baginda bersetuju dan menyuruh mereka berkumpul di Baabun Nisaa'. Setelah kaum wanita berkumpul, Bilal pergi memanggil Rasulullah SAW. Baginda pun pergi ke sana, dan memberi salam dan beritazkirah seperti berikut:

"Assalamu'alaikum, wahai kumpulan/kaum wanita. Wahai kaum wanita, aku lihat kamu ini lebih banyak di neraka". Seorang wanita lalu bangun bertanya, "Apakah yang menyebabkan yang demikian? Adakah sebab kami ini kufur?" Rasulullah SAW menjawab, "Tidak. Bukan begitu. Tetapi ada 2 tabiat kamu yang tidak elok yang boleh menjerumuskan kamu ke dalam neraka:

1. Kamu banyak mengutuk/menyumpah
2. Kamu kufurkan kebaikan suami."

Kemudian baginda SAW mengingatkan supaya :

1. Banyak beristighfar
2. Banyak bersedekah.

Keterangan: Yang dimaksudkan dengan mengutuk/menyumpah ialah seperti contoh di bawah:

Contoh 1

Katakan kita lama menunggu bas. Tetapi bas masih tak kunjung tiba, akibat geram dan marah kita mungkin berkata, "Driver bas ni dah mampus agaknya." Perkataan mampus itu termasuk dalam erti kata menyumpah. Lisan wanita memang terlalu cepat menyumpah. Kadang-kadang pakaian, perkakas rumah, hatta suami pun kena sumpah.

Contoh 2

Tengah memasak gas habis. Kita mungkin berkata "Celaka punya gas. Masa ni jugak nak habis." Yang dimaksudkan kufur di sini bukan kufur I'tiqad tetapi bererti tidak mengiktiraf Kebaikan di sini bermaksud tanggungjawab yang telah ditunaikan oleh suami. Berkaitan dengan hal ini, Rasulullah pernah ditanya oleh seorang suami yang kurang faham apa yang dimaksudkan dengan 'kufurkan kebaikan suami'.

Rasulullah SAW berkata,"Tidakkah pernah engkau jumpa, seorang isteri, jika seumur hidup engkau, engkau berbuat baik kepadanya, tetapi di suatu ketika, disebabkan dia tidak mendapat sesuatu yang diakehendaki, maka dia akan berkata,"Awak ini, saya tak nampak satu pun kebaikan awak" (Terjemahan langsung dari Arab). Dalam masyarakat kita kata-kata di atas mungkin boleh dikaitkan dengan perkataan seperti berikut: "Selama hidup dengan awak, apa yang saya dapat?..] [Tak guna sesen pun'] Rasulullah SAW sambung lagi,'Mana-mana isteri yang berkata, "Awak ini, saya tak nampak satu pun kebaikan awak", maka akan gugur pahala-pahala amalannya.'

Saranan Rasulullah SAW yang seterusnya ialah menyuruh kaum wanita banyak beristighfar dan bersedekah, kerana ia dapat menyelamatkan kita dari 2 perkara yang boleh menjerumuskan kita ke dalam api neraka seperti yang disebutkan tadi. Fadhilat beristighfar:

a. Sabda Rasulullah SAW : "Siapa yang melazimkan amalan istighfar 70X sehari, dia tidak akan ditulis sebagai orang yang lupa (nyanyuk)." Sebelum nyanyuk di hari tua, amalkan sejak muda-muda lagi. Rasulullah SAW menganjurkan kita beristighfar 70 atau 100 kali sehari. Baginda sendiri melakukannya lebih dari 100 X s! ehari. Adalah diingatkan untuk mencapai target ini, eloklah kita menjadualkan amalan zikir ini dalam amalan-amalan harian kita.

b .Sabda Rasulullah SAW : "Siapa yang melazimkan amalan istighfar, akan dikeluarkan Allah dari sifat ham dan hazan. Sifat ham bererti gelisah yang tidak menentu yang sering melanda kaum wanita. Sifat hazan bererti berduka-cita"

c. Istighfar juga memurahkan rezeki. Jangan dianggap rezeki itu hanya dalam bentuk wang ringgit atau harta benda. Tetapi ia juga termasuk kesihatan, umur, kasih sayang dan anak-anak. Sedekah Sedekah tidak semestinya dalam bentuk wang ringgit. Sedekah juga termasuk:

1. Tuturkata/percakapan yang baik. Yang paling utama ialah terhadap

keluarga sendiri. Ertinya tidak menyakitkan hati. Inilah rahsianya bagaimana hendak menambat hati suami. Diriwayatkan, Saidatina Khadijah ra, isteri Rasulullah SAW yang pertama, tidak pernah menyinggung hati Rasulullah walau sedikit pun. Sepanjang hayat baginda SAW, hati baginda dipenuhi dengan Khadijah, sehingga sering menyebut nama beliau. Kadangkala hingga menimbulkan perasaan cemburu di kalangan isteri-isteri baginda. Diriwayatkan juga, Jibril as setiap kali selepas memberi wahyu kepada Rasulullah sebelum meminta diri, selalu mengirim salam kepada Khadijah. Suatu hari Rasulullah SAW telah bertanya beliau, dan jawab Jibril, "Khadijahlah satu-satunya perempuan yang Allah SWT berkenan tuturkatanya".

2. Memberi salam.

3. Memaniskan wajah.

Juga terutamanya kepada ahli keluarga. Rasulullah SAW pernah bersabda,

"Kamu senyum sahaja pun suda! h menjadi sedekah." Terdapat juga suatu syair Arab yang berbunyi : "Nak buat baik, sangatlah mudah, Maniskan wajah, lembutkan lidah." Maka setelah diberi peringatan oleh Rasulullah SAW marilah kita bertafakkur dan bermuhasabah diri-diri kita. Sekiranya terdapat sifat-sifat buruk yang boleh menjerumuskan kita ke dalam api neraka itu, maka eloklah kita mengubah sikap kita dari sekarang.